

Objektif universiti itu tidak pernah berubah sejak diwujudkan pada 1931

UPM masih tumpu bidang pertanian

Oleh ATIKAH DALI

MELAKA – Universiti Putra Malaysia (UPM) masih mengekalkan tumpuan dan penekanan kepada bidang pertanian sebagai pengajian teras seperti mana dilakukan sejak pusat pengajian tinggi itu ditubuhkan pada 1931.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, perkara tersebut terbukti apabila kira-kira 70 peratus program pengajian yang ditawarkan universiti tersebut ketika ini adalah berkaitan bidang pertanian.

“Sejak ditubuhkan pada 1931, objektif UPM tidak berubah bermula daripada sekolah pertanian, kolej dan dinaik taraf kepada Universiti Pertanian Malaysia (1971) sebelum ditukar namanya kepada Universiti Putra Malaysia.

“Bermula dengan tiga fakulti utama iaitu pertanian, perhutanan dan perubatan veterinar, ia kemudian berkembang kepada



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERDAKTI

kejuruteraan dan penyelidikan merangkumi bioteknologi serta sains makanan selaras dengan permintaan dan perkembangan semasa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan 10th Malaysia International Conference on Languages, Literatures and Cultures (MICOLLAC 2018) anjuran Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM di Bandar Hilir di sini semalam.

Aini mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub bahawa negara ini memerlukan sebuah universiti yang pengajaran dan pembelajarannya memberikan fokus kepada bidang pertanian bagi melahirkan pakar dan siswazah yang diperlukan sektor



AINI (empat dari kanan) bergambar bersama para pemenang pertandingan bahasa sempena MICOLLAC 2018 di Bandar Hilir, Melaka semalam.

berkenaan pada masa hadapan.

Ia termasuk pertimbangan sama ada perlu menubuhkan sebuah universiti pertanian atau mengembalikan fungsi UPM

seperti awal penubuhannya yang menekankan pertanian sebagai teras.

Mengulas lanjut, Aini memberitahu, UPM merupakan

satu-satunya universiti yang mewajibkan semua pelajarinya mengambil kursus pertanian dan kemanusiaan sebagai asas kepada pembelajaran pertanian.